

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS  
(HULU LANGAT)**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021(RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat perolehan peluru berpandu darat ke udara jarak sederhana seperti ASTER 30 milik Singapura, dan Norwegian Advanced Surface-to-Air Missile milik Indonesia, memandangkan ruang udara negara kerap diceroboh anasir asing yang telah merendahkan maruah Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan kedaulatan ruang udara negara sentiasa terpelihara, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui ketiga-tiga perkhidmatannya iaitu Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah dilengkapi dengan Sistem Peluru Berpandu Pertahanan Udara Jarak Dekat (*Very Short-Range Air Defence Missile System* - STARSTREAK VSHORAD) serta sistem pertahanan udara jarak dekat seperti Meriam Oerlikon 35mm dan Iglu.

Bagi memperkukuhkan lagi kedaulatan ruang udara negara daripada anasir-anasir asing yang seringkali mencerobohi ruang udara negara, TDM telahpun membuat perancangan perolehan sistem pertahanan udara iaitu *Very Short Range Air Defence* (VSHORAD) MANPAD dan sistem *Short Range Air Defence* (SHORAD) yang telah didaftarkan di dalam *Rolling Plan* Kedua (RP 2) Tahun 2022, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Manakala bagi TLDM dan TUDM telah mempunyai perancangan bagi perolehan *Surface to Air Missile* (**SAM**) untuk TLDM dan Sistem Pertahanan Udara Jarak Sederhana (*Medium Range Air Defence* - MERAD) untuk TUDM.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[SEKIJANG]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini generasi kedua FELDA yang telah memiliki rumah dan apakah usaha Kerajaan dalam membantu generasi kedua FELDA ini yang masih belum memiliki rumah sendiri di kawasan FELDA di seluruh negara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 (Akta 474) untuk pembangunan tanah dan penempatan semula (dibawah GSA-Group Settlement Areas - Akta 530) dengan objektif pembasmian kemiskinan melalui penanaman tanaman minyak sawit dan getah. Antara fungsi FELDA adalah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tanah dan aktiviti pertanian, perindustrian dan komersial sosial ekonomi.

2. Pewujudan FELDA telah menepatkan 116,638 peneroka di 317 rancangan di seluruh Malaysia. Setelah 65 tahun FELDA beroperasi, dianggarkan populasi Generasi Baharu FELDA pewaris kepada peneroka adalah sebanyak 2,084,087 orang yang masih mediami rumah ibu bapa di rancangan dan sebahagiannya duduk di luar rancangan.
3. Sehingga kini, seramai 26,985 generasi kedua FELDA telah menerima manfaat perumahan melalui beberapa program perumahan untuk warga FELDA, antaranya Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) sebanyak 2,020 unit, Perumahan Warga FELDA (PWF) sebanyak 3,097 unit, Projek Perumahan 1 FELDA (P1F) sebanyak 84 unit dan projek FELDAJAYA sebanyak 196 unit.
4. Dua isu utama mengenai penyediaan perumahan untuk generasi kedua FELDA adalah tanggungan subsidi oleh Kerajaan yang tinggi serta ketidakupayaan generasi kedua FELDA untuk mendapatkan pembiayaan bagi pembelian rumah tersebut. Bagi menanganinya, Kerajaan akan memperkenalkan model pembangunan perumahan berasaskan konsep bina sendiri. Melalui model ini, generasi kedua FELDA akan ditawarkan lot-lot kediaman pada harga mampu milik dan seterusnya dibina sendiri berdasarkan reka bentuk standard yang disediakan.
5. Sementara itu, FELDA turut mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) dengan Agrobank bagi membolehkan generasi kedua FELDA yang ingin membeli kediaman di bawah PGBF menikmati beberapa kelonggaran syarat termasuk kadar faedah lebih rendah serta kadar pembiayaan lebih tinggi iaitu 110% daripada harga rumah dengan nilai maksimum RM300,000.

Sekian, terima kasih.